

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : ISU

Hospital kluster jimat kos, optimum kepakaran

Alor Gajah: Kementerian Kesihatan berjaya menjimatkan kos operasinya serta mengoptimumkan penggunaan doktor pakar dalam pelbagai bidang sejak pengenalan 13 hospital kluster di seluruh negara pada 2014.

Menterinya, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata perluasan konsep hospital kluster menggabungkan hospital pakar negeri dan hospital daerah menerusi perkongsian sumber kepakaran, peralatan dan fasiliti, sekali gus mengoptimumkan penggunaan katil di semua hospital kerajaan.

"Mengambil contoh Hospital Melaka, kita berjaya mengimbangi purata penggunaan katil (BOR) di hospital itu sebaik pengenalan hospital kluster dibuat di hospital daerah di Alor Gajah dan Jasin.

"Hospital Alor Gajah sendiri pada 2013 hanya mencatatkan 45 peratus BOR, tetapi meningkat sehingga 74 peratus BOR pada tahun lalu sejak pengenalan hospital kluster dibuat.

Kongsi kepakaran

"Ini bukan sahaja dapat menjimatkan kos perbelanjaan perubatan, malah berkongsi kepakaran, mengoptimumkan kemudahan perubatan di hospital daerah dan mengurangkan perbelanjaan pesakit," katanya selepas mengada-

kan lawatan kerja ke Hospital Alor Gajah, di sini, semalam.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan berjaya mewujudkan 13 hospital kluster daripada 46 hospital di seluruh negara, termasuk 18 daripadanya hospital pakar.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Pembangunan Sukan dan Antidadah negeri, Datuk Wira Ab Rahaman Ab Karim serta Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Ghazali Othman.

Satu dewan bedah

Ditanya sama ada pengenalan hospital kluster bermakna tiada keperluan pembinaan hospital baharu, Subramaniam berkata, kerajaan tidak perlu mengeluarkan bajet besar semata-mata mahu membina hospital baharu kerana setakat ini ia boleh mengoptimumkan sumber sedia ada, kos efektif serta memadai bagi menangani keperluan rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan komprehensif dan berkualiti tinggi.

"Hospital Alor Gajah yang dibina pada 2012 dengan kos RM115 juta sendiri mempunyai satu dewan bedah. Dengan menempatkan doktor pakar dari Hospital Melaka secara bergilir, kita boleh mengoptimumkan hospital daerah ini," katanya.



[FOTO RASUL AZLI SAMAD/BH]

Subramaniam melihat filem x-ray pesakit di klinik pesakit luar ketika mengadakan lawatan kerja ke Hospital Alor Gajah, semalam.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : NEGARA

Hospital kluster diberi perhatian


ALOR GAJAH - Kerajaan berjanji akan menambah baik kemudahan yang disediakan di semua 46 buah hospital kluster di seluruh negara bagi mengurangkan kesesakan di hospital-hospital awam.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, pihaknya akan mengkaji keperluan penambahbaikan berikutan ia lebih menjimatkan kos berbanding pembinaan hospital baharu.

Katanya, kadar kesesakan di hospital-hospital utama juga semakin menurun apabila konsep hospital kluster itu diperkenalkan.

"Konsep hospital kluster bermaksud sebuah hospital pakar dan satu atau dua hospital daerah berkongsi sumber manusia, kepakaran serta kemudahan rawatan.

"Dengan langkah ini, kita secara berperingkat akan menambah kemudahan lain seperti pakar bius, doktor pakar dan sebagainya," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan kerja ke Hospital Alor Gajah



HOSPITAL Alor Gajah merupakan antara hospital kluster di Melaka. – Gambar hiasan

di sini semalam.

Sejak 2014, sebanyak 46 buah hospital kluster diwujudkan di seluruh negara iaitu 18 buah hospital pakar dan 28 hospital daerah yang berkong-

si tenaga kepakaran dan peralatan perubatan.

Di Melaka, tiga buah hospital kluster yang terlibat adalah Hospital Melaka, Hospital Alor Gajah dan Hospital Jasin.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Ambulans udara pindahkan pesakit dari Langkawi

ALOR SETAR - Jabatan Kesihatan Negeri Kedah memperkenalkan perkhidmatan helikopter sebagai ambulans udara untuk kemudahan memindahkan pesakit di Hospital Langkawi.

Pengarah Kesihatan Kedah, Datuk Dr Norhizan Ismail berkata, perkhidmatan pemindahan perubatan (Medivac) itu lebih efisien dan menjimatkan masa, berbanding menggunakan feri dan ambulans laut.

"Sebelum perkhidmatan ini diperkenalkan, pesakit dipindahkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar melalui feri atau ambulans laut. Ia mengambil masa lama selain berdepan kesukaran

untuk kes yang perlu dipindahkan pada waktu malam," katanya.

Menurutnya, perkhidmatan ambulans udara ini mempercepatkan proses pemindahan pesakit untuk mendapatkan rawatan dan kepakaran yang tidak disediakan di Hospital Langkawi.

Norhizan berkata, helikopter jenis Airbus H135 9M-DRA yang digunakan diubahsuai kepada ambulans udara dan dilengkapi alat perubatan.

"Helikopter ini mampu melakukan penerbangan bagi kes kecemasan atau kes yang memerlukan rawatan pakar di mana kepakaran diperlukan tiada di Hospital Langkawi. Ia beroperasi

24 jam," katanya.

Menurutnya, ruang helikopter dapat menempatkan dua anggota perubatan dan seorang pesakit dalam kedudukan dibaringkan.

"Buat permulaan, bagi dua minggu pertama Januari adalah fasa latihan. Latihan perlu diberikan kepada pakar perubatan, pegawai perubatan dan paramedik untuk mempelajari teknik menggunakan alatan perubatan yang dibekalkan, selain tatacara pemindahan pesakit," katanya.

Norhizan berkata, ambulans udara ini dijangka memulakan operasi pemindahan pesakit pada 16 Januari setelah latihan selesai.



Helikopter jenis Airbus H135 9M-DRA diubahsuai kepada ambulans udara. Gambar kecil: Norhizan

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 38
RUANGAN : DARI UTARA

Tambah baik fasiliti hospital kluster

ALOR GAJAH - Kerajaan akan terus menambah baik kemudahan yang disediakan di 46 hospital kluster di seluruh negara bagi mengurangkan kesesakan di hospital awam demi kesejahteraan rakyat.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, beberapa keperluan yang boleh ditambah baik di hospital kluster akan dikaji dari semasa ke semasa, berikutan ia lebih menjimatkan kos berbanding pembinaan hospital baharu.

"Konsep hospital kluster bermaksud sebuah hospital pakar dan satu atau dua hospital daerah berkongsi sumber manusia, kepakaran serta kemudahan rawatan. Selain kita lihat perbelanjaan konsep ini tidak terlalu tinggi dan lebih baik daripada kita membina hospital pakar baru.

"Kita secara berperingkat akan menambah kemudahan lain seperti pakar bius, doktor pakar dan sebagainya kerana bila ini dilakukan, tiada bezanya pesakit mendapatkan rawatan di mana-mana hospital, sama ada hospital pakar atau daerah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melakukan lawatan kerja ke Hospital Alor Gajah di sini, semalam.



Subramaniam (dua, kiri) beramah mesra dengan orang ramai yang mendapatkan rawatan di unit pesakit luar ketika melawat Hospital Alor Gajah, semalam.

Menurutnya, sebelum ini kadar penggunaan katil di kebanyakan hospital pakar mencecah antara 90 hingga 100 peratus dan jumlah itu tidak sekata, berbanding penggunaan katil di hospital daerah iaitu sekitar 50 peratus.

Sehingga kini katanya, 46 hospital kluster diwujudkan di seluruh negara sejak 2014 iaitu 18 hospital pakar dan 28 hospital daerah yang berkongsi tenaga kepakaran serta peralatan perubatan.

INFO

- Berkongsi sumber manusia
- Kepakaran
- Kemudahan rawatan

"Di Melaka, tiga hospital kluster yang terlibat adalah Hospital Melaka, Hospital Alor Gajah dan Hospital Jasin," katanya.

Sementara itu, beliau

berkata, tiada kes baharu Sindrom Pernafasan Virus Korona Timur Tengah (Mers-CoV) selepas kes seorang lelaki berusia 55 tahun dari Selangor, menghidap jangkitan itu sejurus tiba di tanah air selepas mengerjakan umrah pada 23 Disember lalu.

"Berdasarkan bukti sains, unta pembawa jangkitan Mers-CoV, walaupun haiwan itu tiada tanda sakit tetapi virus itu ada di dalamnya," katanya. - *Bernama*